

0433

R 8160 BAH  
GERAKAN - BAHASA  
OLEH ABUL HALIM TAIB

KUALA LUMPUR, 9 OKT (BERMUDA) -- +GERAKAN CINTAI BAHASA KITA+ KETIKA MULA DILANCARKAN OLEH PERDAMA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DISEMBER LALU MENDAPAT SAMBUTAN YANG AMAT MENGGALAKKAN.

SEMUA PIHAK SAMA ADA SEKTOR AWAM ATAU SWASTA TERNYATA BESITU SHAIRAH MENJALANKAN PELBAGAI KESIATAN DEMI MENGGALAKKAN ORANG RAMAI MENGGUNAKAN +BAHASA KITA+ IAITU BAHASA MALAYSIA.

LOSO +GERAKAN CINTAI BAHASA KITA+ TERPAKPAK DI MANA SAHAJA TERHASUK JUGA LOSO BULAT KECIL YANG SENTIASA TERSEHAT PADA BAJU KEBANYAKAN PENCINTA BAHASA MALAYSIA, TERUTAMA DI KALANGAN PARA PEGAWAI KERAJAAN.

SARAJINAMUN, GERAKAN ITU MUNGKIN LAMBAT LAUN AKAN MENJADI PUDAR DAN HALAP SEANDAINYA PIHAK YANG BERTANGGUNGJAWAB TIDAK MENYUSUN PELBAGAI USAHA YANG BOLEH MENINGKATKAN LAGI KEHAHIRAN BERBAHASA MALAYSIA, MELALUI SEMINAR, BENSKEK, KURSUS DAN SIMBINSAN KEPADA ORANG RAMAI.

PERSOALANNYA SEKARANG IALAH ADAKAH PROGRAM BAGI GERAKAN ITU AKAN TAMAT DALAM MASA SETAHUN INI SAHAJA ATAU AKAN ADA KESINAMBUNGAN DAN SUSULANNYA SELEPAS INI.

KETUA URUSETIA PUSAT +GERAKAN CINTAI BAHASA KITA+ ENCIK ISMAIL BIN DAHANAN KETIKA DITANYA MENGENAI PERKARA ITU BERKATA KINI PIHAKNYA SEDANG MENDAPATKAN MAKLUM BALAS DARIPADA SEMUA PIHAK TENTANG PERAMAN YANG DAPAT DIHAIKANKAN OLEH MEREKA DALAM USAHA MENPERLUAS DAN MEMPERTINGKATKAN PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA SEJAK GERAKAN ITU DIHULAKAN. -- LAGI

1020HST 09 10 88

R 8161 BAH  
GERAKAN - BAHASA 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, URUSETIA JUGA INGIN MENGETAHUI SEJAUHMANA PENYERTAAN MASYARAKAT DALAM MENJAYAKAN GERAKAN ITU DAN APAKAH MASALAH YANG DIHADAPI OLEH BADAN-BADAN YANG DIPERTANGGUNGJAWABKAN SEMASA MENGEHENDALIKAN KESIATAN BERKENAAN.

ENCIK ISMAIL BERKATA YANG PENTING IALAH GERAKAN ITU TELAH BERJAYA MENYEDARAKAN MASYARAKAT TENTANG SETAPA PENTING PERANAN PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA YANG SETUL DALAM PENSHIDUPAN SEHARIAN MEREKA TERUTAMANYA DI KALANGAN ORANG-ORANG BUKAN MELAYU DAN SWASTA.

BELIAU BERKATA BUAT MASA INI LAPORAN LENGKAP MENGENAI KESAN GERAKAN ITU BELUM DISIAPKAN KERANA PIHAKNYA BELUM MENERIMA MAKLUM BALAS SEPENUHNYA DARIPADA SEMUA PIHAK YANG TERBABIT.

KATANYA, BADAN-BADAN YANG TERLIBAT ITU IALAH KERAJAAN PUSAT, KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI, BADAN-BADAN BERKAMUN, MAJLIS KERAJAAN TEMPATAN, POLIS, TENTERA, SEKTOR SWASTA, PARTI-PARTI POLITIK DAN BADAN-BADAN SUKARELA.

BELIAU BERKATA SELEPAS MAKLUM BALAS ITU DIPEROLEHI, JAWATANKUASA URUSETIA AKAN BERMESYUARAT BAGI MENELITI PROGRAM ANAL DAN KESAN YANG DICAPAI BAGI TEMPON SETAHUN GERAKAN ITU.

SEMUA LAPORAN ITU AKAN DISERAHKAN KEPADA JAWATANKUASA PUSAT GERAKAN CINTAI BAHASA KITA YANG AKAN BERMESYUARAT PADA PENHUNJUNG BULAN NOVEMBER ATAU DISEMBER INI, TAMBAHNYA -- LAGI

1023HST 09 10 88

R 8162 BAH  
GERAKAN - BAHASA 3 KUALA LUMPUR

ENCIK ISMAIL BERKATA SUNGGUHPUN SETAKAT INI MATLAMAT GERAKAN ITU BELUM DAPAT DICAPAI SEPENUHNYA TETAPI SEKURANG-KURANGNYA SANBUTAN YANG DIBERIKAN OLEH MASYARAKAT BUKAN MELAYU DAN SESETEGAH SYARIKAT SWASTA SESITU MANGSALAKKAN.

KATANYA, BAGAIMANAPUN, PENILAIAN TERHADAP KEBERKESANAN GERAKAN ITU TIDAK HARUS DATANG DARIPIADA PIHAKNYA SEMATA-MATA, SEBALIKNYA SELURUH MASYARAKAT BOLEH MENELITI SENDIRI PERKEMBANGAN YANG BERLAKU SELEPAS GERAKAN ITU.

ANTARA PERKEMBANGAN MENARIK DALAM USAHA ITU IALAH YANG DITUNJUKKAN OLEH SYARIKAT +COLO STORAGE+ YANG TELAH MEMASUKKAN LOGO +GERAKAN CINTAI BAHASA KITA+ KE DALAM SETIAP BUNGKUSAN ROTI KELUARANNYA SERTA DISELITKAN PULA DENGAN SEKEPING KAD YANG BERTULIS DENGAN PERIBAHASA MELAYU.

SELIAU BERKATA, BAGAIMANAPUN, KEGIATAN SEUMPAMA ITU HANYA DIJALANKAN KIRA-KIRA SEBULAN SAHAJA OLEH SYARIKAT BERKENAAN TANPA TINDAKAN SUSULAN.

SELAIN DARIPIADA SYARIKAT SWASTA, PARTI-PARTI POLITIK JUSA MEMAINKAN PERANAM DALAM KEGIATAN MEMPERTINGKATKAN PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA DI KALANGAN ANGGOTA MASING-MASING, TAMBAHNYA -- LAGI  
1023HST 07 10 88

R 8163 BAH  
GERAKAN - BAHASA 4 KUALA LUMPUR

PARTI-PARTI POLITIK SEPERTI GERAKAN, MCA, MIC TELAH MENSADAKAN SEMINAR, KURSUS DAN BIMBINGAN DALAM USAHA MEMPERLUASKAN PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA KEPADA ORANG RAMAI KHUSUSNYA KEPADA ANGGOTA PARTI MASING-MASING.

KATANYA, MALAHAN DI DALAM PARTI-PARTI BERKENAAN TERDAPAT ORANG-ORANG YANG FASIH DAN MEMINATI BAHASA DAN BASTERA MELAYU DAN MEREKA DAPAT MEMPENSARUHI DAN MENDORONG LEBIH RAMAI ORANG MEMINATI BAHASA MALAYSIA.

PERANAM YANG DIMAINKAN OLEH PERSATUAN-PERSATUAN SUKARELA SEPERTI SABUNGAN PENULIS NASIONAL MALAYSIA (SAPENA), PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA, PERSATUAN BULAN SABIT MERAH MALAYSIA, (PBSMM) DALAM KEGIATAN INI TIDAK BOLEH DIPERSOALKAN LAGI, NAMUN BANYAK LAGI BADAN-BADAN SUKARELA LAIN YANG MEMANDANG SEPI TERHADAP USAHA TERSEBUT.

SEJAK GERAKAN ITU DIJALANKAN BEBERAPA KURSUS, BIMBINGAN, BENGKEL DAN SEMINAR TELAH DIANJURKAN OLEH PELBAGAI PIHAK DENGAN KERJASAMA DENGAN BAHASA DAN PUSTAKA, KATANYA.

ANTARA SEMINAR YANG DIADAKAN IALAH, SEMINAR MENGENAI PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA DI BANK-BANK DAN INSTITUSI KENANGAN, SEMINAR PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA DALAM BIDANG SWASTA DAN PROFESIONAL, KEDUA-KEDUANYA DI KUALA LUMPUR DAN SEMINAR PENGGUNAAN BAHASA KEBANGSAAN ANJURAN PIHAK BERKUASA KERAJAAN TEMPATAN KOTA KINABALU, SABAH, BARU-BARU INI. -- LAGI  
1028HST 07 10 88

R 8164 BAH  
GERAKAN - BAHASA 5 KUALA LUMPUR

ENCIK ISMAIL BERKATA DARIPADA MAKLUM BALAS ANAL YANG DITERIMA DARIPADA SEMINAR DAN PELBAGAI KEGIATAN LAIN YANG DIJALANKAN DIDAPATI BAHAWA BAHASA MALAYSIA BELUM LAGI DIGUNAKAN SECARA MELUAS DAN OLEH YANG DENIKIAN SERAKAN BERKENAAN PERLU DITERUSKAN DENGAN MEMBERIKAN PENUNPUAN KEPADA KALANGAN SWASTA DAN PARA PROFESIONAL.

BELIAU BERKATA MAKLUM BALAS LAIN YANG DIKESAN IALAH KEBANYAKAN MASYARAKAT MENGGUNAKAN BAHASA MALAYSIA SECARA SANGIL LENA, KASAR DAN TIDAK BERSOPAN.

OLEH ITU PENDEKATAN YANG AKAN DIBUAT PADA TAHUN HADAPAN IALAH MENSAJAK MASYARAKAT MENGGUNAKAN BAHASA MALAYSIA SECARA LEBIH BERSOPAN DAN SELARAS DENGAN ITU TEHA YANG DIPILIH IALAH +BERBAHASA DENGAN SOPAN+, TAMBAHNYA.

BELIAU BERKATA PADA TAHUN HADAPAN SERAKAN ITU AKAN MEMPERHEBATKAN KEGIATANNYA UNTUK MEMPERCEPATKAN PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA DI DALAM BIDANG KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN DI NEGARA INI.

MEMURUTNYA, JIKA SEMUA MAHKAMAH MENGGUNAKAN BAHASA MALAYSIA SEPENUH SUDAH PASTI SEMUA PERATURAN LAIN SEPERTI URUSAN PENDAFTARAN SYARIKAT, AKTA KEJURUTERAAN, UNDANG-UNDANG KECIL IKLAN BASI MAJLIS KERAJAAN TEMPATAN SECARA TIDAK LANGSUNG DAPAT DILAKSANAKAN DALAM BAHASA MALAYSIA. -- LAGI

1031NST 09 10 88

0438

R 8165 BAH  
GERAKAN - BAHASA 6 KUALA LUMPUR

ENCIK ISMAIL MENJELASKAN BAGAIMANAPUN USAHA ITU HANYA DAPAT DIJALANKAN DENGAN JAYANYA JIKA AKTA BAHASA KEBANGSAAN 1963/67 DIPINDA.

BELIAU BERKATA SEPERKARA LAGI YANG PERLU DIBERI PENEKANAN IALAH PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA OLEH SYARIKAT-SYARIKAT SWASTA BUKAN SAHAJA SEMASA MENULIS SURAT KEPADA JABATAN KERAJAAN TETAPI DALAM AMALAN SEHARIAN.

BUAT MASA INI BANYAK SYARIKAT SWASTA TIDAK DAPAT MELAKSANAKAN TUGAS ITU DENGAN BERSUSSUH-SUNGGUH DAN ALASAN-ALASAN YANG DIBERIKAN TIDAK BESITU JELAS.

ENCIK ISMAIL MENEGASKAN, +KITA TIDAK BOLEH LARI DARIPADA MENGGUNAKAN BAHASA MALAYSIA DALAM SYARIKAT SWASTA KERANA SISTEM PENDIDIKAN KEBANGSAAN DI NEGARA INI MENGUTAHAKAN BAHASA MALAYSIA.+

JIKA PIHAK SWASTA MASIH MENENTINKAN PARA PEKERJA YANG BERBAHASA INGGERIS SUDAH PASTI RAMAI SISMAZAH YANG MENGIKUTI SISTEM PENDIDIKAN KEBANGSAAN YANG MENGUTAHAKAN BAHASA MALAYSIA TERPAKSA DIKETÉPIKAN.

OLEH YANG DENIKIAN USAHA UNTUK MEMPERLUASKAN DAN MEMPERTINGKATKAN PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA DALAM SYARIKAT SWASTA PERLU DITERUSKAN DENGAN BERSUSSUH-SUNGGUH SECARA KERJASAMA, PUJUKAN ATAU JIKA PERLU PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG. -- BERNAMA

1034NST 09 10 88